



LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Aras 3, Menara Zakat, Jalan Telok Wanjah, 05200, Alor Setar, Kedah | Tel: 1800-88-1740 | Faks: 04-731 6280

Portal Rasmi : www.zakatkedah.com.my | e-mel : aduan@zakatkedah.com

SYARAT-SYARAT DERMASISWA MELANJUTKAN PENGAJIAN KE INDONESIA

Syarat-syarat penerima (pelajar)

- Islam
- Menetap di Kedah sekurang-kurangnya 2 tahun
- Pemohon tidak mendapat sebarang bentuk tajaan kewangan / biasiswa / pinjaman
- Sedang mengikuti pengajian di peringkat **IJAZAH PERTAMA SAHAJA**. Bantuan tidak akan dipertimbangkan kepada pemohon yang mengulang pengajian.
- Bukan ahli bersekutu.
- Butiran peribadi yang lengkap diisi beserta salinan dokumen yang berikut
 - a) **Salinan kad pengenalan pemohon (pelajar)**
 - b) **Salinan kad pengenalan bapa**
 - c) **Salinan kad pengenalan ibu**
 - d) **Surat pengakuan dari universiti Sesi 2017 / 2018 (Tasdiq)**
 - e) **Keputusan peperiksaan yang terkini**
- Semua dokumen di atas **WAJIB DISERTAKAN**
- Borang dan dokumen yang lengkap perlu disahkan oleh universiti.
- **Borang permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan permohonan.**
- Dermasiswa Pengajian Ke Indonesia akan dibuka mulai **14 DISEMBER 2017 hingga 14 JANUARI 2018.**

PANDUAN MENGISI BORANG DERMASISWA MELANJUTKAN PENGAJIAN KE INDONESIA

Panduan Mengisi Borang

1. Pemohon perlu ke laman sesawang Lembaga Zakat Negeri Kedah di www.zakatkedah.com.my kemudian klik pada menu Agihan, klik pada menu Borang dan kemudian klik pada Dermasiswa Melanjutkan Pengajian ke Mesir / Indonesia / Jordan untuk mengisi borang permohonan secara atas talian.
2. Klik pada **PERMOHONAN BARU**
3. Pilih **JENIS BANTUAN** iaitu Dermasiswa Melanjutkan Pelajaran Ke **INDONESIA**.
4. Baca syarat-syarat permohonan dengan teliti. Pemohon **WAJIB** menyediakan dokumen-dokumen yang diperlukan.
5. Isi dengan lengkap BUTIRAN DIRI merangkumi
 - Maklumat Pelajar
 - Maklumat Bapa dan Ibu
 - Maklumat Tanggungan Bapa dan Ibu
 - Maklumat Pengajian Pemohon
 - Maklumat Tambahan
6. Isi **KATA LALUAN**. (Kata laluan dan pengesahan kata laluan mestilah sama dan pemohon diingatkan tidak lupa kata laluan yang dimasukkan)
7. Klik **SEMAK**. (Untuk menyemak borang yang telah diisi)
8. Jika ada pembetulan pada butiran peribadi, klik **KEMASKINI**. Jika tidak ada, klik pada **SAH DAN HANTAR**. (Pemohon diingatkan supaya menyemak dengan teliti maklumat butiran diri sebelum menekan butang Sah dan Hantar)
9. Kemudian setelah selesai klik pada **CETAK BORANG**.
10. Dermasiswa Pengajian Ke Indonesia akan dibuka mulai **14 DISEMBER 2017 hingga 14 JANUARI 2018**.
11. Borang dan dokumen yang lengkap perlu disahkan oleh universiti.
12. Permohonan hendaklah dihantar terus ke Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman.

**CARTA ALIR PERMOHONAN DERMASISWA MELANJUTKAN
PENGAJIAN KE INDONESIA**

